

**KAJIAN TERHADAP SUSUN ATUR LOJI STATIK
DI TAPAK BINA**

RIANA BINTI MILAN

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

25 MAC 2007

ABSTRAK

Susun atur loji di tapak bina merupakan salah satu aktiviti perancangan pembinaan yang penting. Ia mempengaruhi keberkesanan terhadap kerja dan produktiviti di tapak bina. Oleh itu, susun atur loji merupakan salah satu faktor utama kejayaan dalam satu-satu projek pembinaan. Secara amnya, susun atur loji adalah untuk menyelaraskan penggunaan ruang tapak yang terhad yang melibatkan jentera statik di tapak agar ia berfungsi dengan baik dan efisien. Faktor-faktor penting yang diambil kira dalam susun atur loji adalah seperti aktiviti-aktiviti di tapak bina, pergerakan jentera atau kenderaan dalam tapak, lokasi dan keluasan tapak, teknologi yang digunakan, halangan-halangan yang wujud dan juga dari segi keselamatan. Kajian literatur dan lima kajian kes terhadap susun atur loji dijalankan di dalam projek penyelidikan ini di mana ia memberi tumpuan kepada cara kontraktor dalam menentukan loji statik di tapak. Selain itu, masalah-masalah yang dihadapi kontraktor dalam susun atur loji dikenal pasti semasa dalam tempoh penyiapan projek. Lokasi kajian kes penyelidik adalah di sekitar Johor Bahru.

ABSTRACT

Construction plant layout is one of the important planning activities. Plant layout influences the effectiveness of works and the productivity on site. So it is one of the main factors in project success. Generally, plant layout is to coordinate the use of the limited site space in arranging plant on site so that it can function efficiently. The main factors that have to be considered in plant layout are the activities on site, plant or vehicles moving on site, location and site area, types of technology that being used by the contractor, any existing constraints and site safety. Literature review and five case studies on plant layout have been conducted on method that being used by contractors in determination of plant layout on site. Besides, problems that arise on plant layout during the project completion are determined. The location of the case study is in Johor Bahru.